



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)  
*Public Service Department Of Malaysia (PSD)*  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88853001  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): [www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)  
E-mel (E-mail): [zabidl@jpa.gov.my](mailto:zabidl@jpa.gov.my)

JPA SARAAN(S) 43/35 Klt. 4 (13)

30 Mei 2014

**Puan Azlina binti Azman**

Presiden

Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA)

Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar

Aras 12, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 PUTRAJAYA

Puan,

**KELULUSAN CUTI TANPA REKOD BAGI PERSATUAN  
JURUANALISA SISTEM SEKTOR AWAM (PERJASA)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan, Perintah Am 45, Perintah-perintah Am Bab C Tahun 1974 (Cuti) menjelaskan bahawa Ketua Jabatan boleh meluluskan **Cuti Tidak Berekod** kepada pegawai-pegawai ikhtisas bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat persatuan-persatuan ikhtisas mereka, tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan. Selain itu, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1977 turut menjelaskan pegawai-pegawai ikhtisas yang menjadi ahli-ahli Persatuan Ikhtisas boleh menghadiri mesyuarat agung tahunan ataupun mesyuarat agung luar biasa persatuan-persatuan tersebut untuk tempoh sebenar mesyuarat itu dijalankan dan tambahan masa yang berpatutan untuk sampai ke tempat mesyuarat dan balik darinya dengan syarat-syarat kedua-dua masa tersebut tidak melebihi dua (2) hari. Pegawai juga adalah berkelayakan untuk membuat tuntutan tambang pengangkutan

TPBK BAHAGIAN PENYELIDIKAN, PERANCANGAN DAN DASAR <b>TERIMA</b> 10 JUN 2014 JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
---

**Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam**  
*Driving Transformation in The Public Service*



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SJUL : MY-AR-4697

awam seperti keretapi atau Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut kelayakan dan tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

3. Bagi maksud itu, dipersetujui pengiktirafan Persatuan Juruanalisa Sistem Sektor Awam (PERJASA) sebagai salah satu pertubuhan di bawah Perintah Am 45, Perintah-perintah Am Bab C Tahun 1974 (Cuti) yang melayakkan pegawai diberikan kemudahan Cuti Tidak Berekod bagi menghadiri mesyuarat agung tahunan ataupun mesyuarat agung luar biasa untuk tempoh sebenar mesyuarat itu dijalankan dan tambahan perjalanan pergi dan balik ke tempat mesyuarat tidak melebihi dua (2) hari dengan syarat mesyuarat itu dipanggil menurut undang-undang tubuh persatuan masing-masing. Pegawai juga layak membuat tuntutan tambang pengangkutan awam atau Elaun Perjalanan Kenderaan. Selain itu, aktiviti yang dijalankan oleh PERJASA juga hendaklah menepati sepenuhnya objektif penubuhan persatuan. Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan kemudahan Cuti Tidak Berekod tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**